

Elak cedera, hilang minat

Ibu bapa mohon bantu baik pulih gelanggang tenis terutama Kompleks Sukan Titiwangsa

Pickleball mula menguasai trend sukan di negara dan ini mungkin boleh merencatkan pembangunan sukan tenis sehingga permintaan untuk pembangunan tenis di negara ini sering kali diabaikan.

Ketika ini banyak gelanggang tenis mula bertukar wajah ke gelanggang pickleball dan mungkin petanda awal, tenis akan dianak tirikan.

Mungkin benar, tenis masih belum pernah mencapai kejayaan meraih emas di temasya Sukan Sea, tapi sukan itu pernah menyumbangkan tiga perak dan 18 gangsa sepanjang dipertandingkan di temasya dwi tahunan itu.

Justeru, ibu bapa yang mana anak mereka terbabit secara serius dalam tenis memohon jasa baik daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memandang serius permohonan membantu membaiki pulih gelanggang terutama di Kompleks Sukan Titiwangsa.

Salah seorang ibu terbabit, Raja Nadia Salwana Raja Hisham yang mana anaknya, Raessa Ashwad kini antara bakat muda semakin meningkat naik, berharap DBKL meman-



KEADAAN gelanggang tenis yang tidak diselenggara dengan baik.

dang serius permintaan untuk penurapan semula gelanggang di Titiwangsa. Katanya, gelanggang itu sememangnya cukup daif dan boleh mendatangkan

kecederaan dengan mudah, malah dia sendiri pernah terjatuh ketika bermain di gelanggang berkenaan.

Raessa antara puluhan bakat muda yang terbabit

dengan program pembangunan di bawah Persatuan Lawn Tennis Kuala Lumpur (Tenis KL) memper-taruhkan dirinya berlatih setiap Sabtu dan Ahad di

gelanggang Titiwangsa demi bergelar atlet kebangsaan satu hari nanti.

"Gelanggang di Titiwangsa sangat merbahaya untuk kanak-kanak ini. Tidak hanya kepada kanak-kanak tapi orang dewasa juga terutama jika baru nak hujan atau selepas hujan. Saya sendiri pernah terjatuh masa main di atas gelanggang yang belum diturap sebab licin," katanya.

Nadia berkata, jika perkara itu berlarutan ia bakal merencatkan pembangunan sukan, yang mana anak-anak pasti akan berputus asa dengan senario itu ataupun mereka akan jadi takut kerana berdepan risiko kecederaan.

"Jika permintaan untuk membaiki pulih gelanggang terus diabaikan tidak mustahil, tenis di negara ini akan berkubur.

"Sekarang ini saya dah nampak ramai kanak-kanak sudah bertukar mencuri sukan lain seperti bola dan pickleball. Contohnya kawan kepada anak saya yang berusia sembilan tahun turut memilih meninggalkan tenis.

"Sebenarnya kita banyak saja bakat tapi perkara seperti ini yang sedikit sebanyak merencatkan keinginan mereka untuk terus

terbabit secara serius dalam tenis," katanya.

Terdahulu Harian Metro melaporkan, Tenis KL sudah mengemukakan permohonan penurapan semula kepada DBKL dan KBS namun terus dipandang sepi.

Permintaan untuk berjumpa Datuk Bandar KL ketika itu juga tidak dilayan termasuk juga permohonan untuk berjumpa Menteri Belia dan Sukan, Han-nah Yeoh juga tidak dapat dipenuhi.



BAKAT muda tenis, Raessa